

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18/12/2012

Operasi Lynas tidak memudaratkan

UM-18/12/12



DR. Mahathir Mohamad (kiri) diiringi Pengerusi Majlis Industri Kimia Malaysia (CICM), Dr. Abd Hapiz Abdullah (dua dari kanan) menyampaikan anugerah kepada Pengarah Urusan Pacific Ole Chemicals Sdn.Bhd, Tan Geoh Chen pada majlis penyampaian Anugerah Responsible Care CICM di Kuala Lumpur, malam tadi.

KUALA LUMPUR 17 Dis. - Dakwaan sesetengah pihak mengatakan kilang pemprosesan nadir bumi, Lynas Corporation Ltd. (Lynas) di Gebeng, Pahang tidak selamat adalah tidak benar sama sekali, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Sebaliknya kata beliau, operasi itu selamat dan tidak memudaratkan penduduk serta persekitaran setempat.

Menurut beliau, unsur nadir bumi yang digunakan perlu dikendalikan dengan cermat dan bertanggungjawab serta mengikut prosedur betul.

"Unsur nadir bumi tidak berbahaya dan menyebabkan penyakit termasuk di Lynas. Sesetengah orang hanya mempolitikkan isu ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Makan Malam dan Penyampaian Anugerah Responsible Care anjuran

Majlis Industri Kimia Malaysia (CICM) di sini malam ini.

Yang turut hadir isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Pada majlis tersebut, sebanyak 25 syarikat petrokimia, kimia organik, kimia pertanian, sub sektor kimia dan SME kimia diumumkan sebagai pemenang bagi pelbagai kategori sempena Anugerah Responsible Care CICM 2011/2012.

Dr. Mahathir berkata, tahap radiasi radioaktif di Lynas tidak berbahaya berbanding kuasa nuklear.

Katanya, kilang pemproses nadir bumi Lynas bukan seperti operasi kuasa nuklear yang mengancam keselamatan.

"Sebagai contoh, sesetengah pihak ada mendakwa penggunaan telefon bimbit akan menyebabkan kanser otak tetapi sehingga hari ini tiada kes seumpama itu dilaporkan," katanya.